

20/01/2001

Pelbagai acara sambut Hari Wilayah ke-27

Hasnira Hassan

KUALA LUMPUR, Jumaat - Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menyediakan pelbagai acara menarik untuk orang ramai sepanjang bulan depan sempena sambutan Hari Wilayah ke-27, 1 Februari ini.

Timbalan Ketua Pengarah (Pentadbiran dan Perkhidmatan) DBKL, Halijah Othman, berkata antara program terbabit ialah majlis tahlil dan kesyukuran pada 31 Januari ini di Masjid Wilayah Persekutuan, Jalan Duta, di sini.

Ia disusuli Forum Perdana bertajuk Bersyukur Merentasi Nilai Budaya Bangsa.

Larian Kuala Lumpur dengan kerjasama Persatuan Olahraga Amatir Wilayah Persekutuan dan Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan akan diadakan untuk kali kedua pada 1 Februari di Dataran Merdeka.

"Kira-kira 8,000 peserta pelbagai kategori termasuk orang kurang upaya dijangka memulakan larian masing-masing pada jam 7 pagi.

"Konsep program masih sama seperti tahun lalu seperti jarak larian peserta berdasarkan kategori masing-masing iaitu tiga kilometer (km), lima km, lapan km dan 11 km," katanya dalam sidang akhbar di sini, hari ini.

Halijah berkata, kali ini, hadiah wang tunai berjumlah RM25,875 disediakan kepada pemenang mengikut kategori selain barangan, pingat, sijil, hamper dan kemeja T.

Malah, katanya, semua peserta berpeluang memenangi pelbagai hadiah cabutan bertuah seperti motosikal Jaguh dan Kriss, televisyen, jam tangan serta basikal.

Sementara itu, katanya, sukaneka membabitkan 600 penyertaan untuk 22 acara berdasarkan kategori peringkat umur, akan diadakan bermula jam 7.30 pagi di Taman Tasik Titiwangsa.

Katanya, majlis makan malam yang dijangka menghimpunkan kira-kira 1,500 warga kota akan diadakan bermula jam 8 malam di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini.

Di samping itu, Halijah berkata, beberapa program tahunan Hari Wilayah terutama yang mendapat sambutan ramai diubah suai bagi memberi peluang warga kota menyertainya.

Antara program itu termasuk studio mini Radio Malaysia Kuala Lumpur (RMKL) di studio sementara Taman Tasik Titiwangsa antara jam 8 pagi hingga 6 petang, selain pertandingan karaoke dan persembahan artis tempatan.

Pertandingan memancing kali ini diadakan serentak di ketiga-tiga tasik utama i ibu negara iaitu Taman Tasik Perdana; Titiwangsa dan Permaisuri, Cheras dengan menawarkan hadiah daripada RM2,000 hingga RM1,000 bagi tempat pertama hingga ketiga, manakala hamper bagi pemenang keempat dan kelima.

Halijah berkata, kejohanan ruabi tujuh sepasukan (piala Datuk Bandar Kuala Lumpur) kali kedua yang diadakan selama dua hari bermula 3 Februari ini di Padang Merbok.

Kesatuan Ragbi Kuala Lumpur turut memperkenalkan Kejohanan Ragbi Tujuh Sepasukan bawah 21 tahun bagi mencungkil pemain baru yang berbakat.

Di samping itu, katanya, beberapa acara baru diperkenalkan tahun ini dengan kerjasama sektor swasta dan pertubuhan seperti Terjunan Antarabangsa Menara Kuala Lumpur (MKL) yang dijangka mencatatkan rekod baru dalam Malaysia Book of Records.

Beliau berkata, program itu membabitkan terjunan BASE oleh 50 peserta seluruh dunia. Ia akan diadakan di MKL pada 1 Februari, dari jam 9 pagi hingga 5 petang. BASE ialah singkatan kepada Building, Antennas, Spans dan

Earth yang juga antara sukan lasak.

"Kita juga akan mengadakan majlis pelancaran Sukan Sea 2001 yang dijangka disempurnakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 3 Februari, jam 8.30 malam di Dataran Merdeka.

(END)